

**PERKASA dakwa blog hina pemimpin BN dan Pakatan
Malaysiakini.com
April 5, 2011**

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) hari ini membuat laporan polis terhadap seorang pemilik blog yang didakwa menghina pemimpin BN dan Pakatan Rakyat dengan meletakkan gambar yang telah diubahsuai.

Laporan polis itu dibuat oleh Pemangku Ketua Wira PERKASA, Irwan Fahmi Idris kepada pemilik laman blog alfanso-rightstoon.blogspot.com di ibu pejabat polis daerah Dang Wangi kira-kira jam 3 petang ini.

Dalam laporan polis itu, Irwan berkata pihaknya banyak menerima rungutan mengenai blog tersebut yang didakwa menghina beberapa tokoh pemimpin negara.

Beliau mendakwa, blog itu menyiarkan gambar ilustrasi provokatif dengan gelaran yang menghina pemimpin negara.

Blog itu juga, dakwanya, turut mengungkit kemelut novel interlok yang menurutnya telahpun diselesaikan oleh timbalan perdana menteri.

Sehubungan itu, Irwan menggesa menggesa pihak polis menyiasat pemilik laman blog ini dan tindakan sewajarnya diambil bagi mengelakkan rasa kurang senang masyarakat.

"Dan kami gesa lawan web ini ditutup kerana ia tidak membawa apa-apa manfaat kepada masyarakat," katanya dalam laporan tersebut.

Sementara itu, Irwan ketika dihubungi Malaysiakini menyifatkan tindakan menyiarkan gambar-gambar tersebut sebagai tidak bertanggungjawab.

Sehubungan itu, beliau mendesak pemilik laman blog itu menarik gambar yang telah disiarkan dan memohon maaf kepada pemimpin terbabit, termasuk pemimpin Pakatan Rakyat.